

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN	:	PERMOHONAN PERUNTUKAN / BAJET BAGI PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN (MEKANIKAL & ELEKTRIKAL) SECARA KONTRAK DI BANGUNAN PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
TARIKH	:	8 NOVEMBER 2019
TEMPAT	:	IBU PEJABAT MPC
KOS YANG TERLIBAT/ PERUNTUKAN DAN MAKLUMAT PEMBEKAL YANG DICADANGKAN	:	<u>A. TEMPOH KONTRAK DISYORKAN:</u> 2 TAHUN (MULAI JANUARI 2020 – DISEMBER 2021) <u>B. KOS ANGGARAN:</u> RM 8,646.00/BULAN ATAU RM207,504.00/2 TAHUN <u>C. JUSTIFIKASI PEMILIHAN:</u> • LATARBELAKANG SERTA KEMAMPUAN KEWANGAN SYARIKAT YANG MEYAKINKAN; • MEMENUHI SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA YANG DITETAPKAN; • BERPENGALAMAN MELAKSANAKAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BANGUNAN (MEKANIKAL & ELEKTRIKAL) DI PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN DAN SWASTA.
BAHAGIAN / UNIT / WILAYAH	:	IBU PEJABAT MPC

LAPORAN DAN ULASAN SEBUTHARGA

TAJUK SEBUTHARGA : PERMOHONAN PERUNTUKAN / BAJET BAGI PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN (MEKANIKAL & ELEKTRIKAL) SECARA KONTRAK DI BANGUNAN PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas cadangan ini disediakan bertujuan untuk mendapatkan Pertimbangan Jawatankuasa Sebutharga MPC bagi cadangan melantik pembekal melaksanakan perkhidmatan seperti di atas selama dua (2) tahun.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Pada masa ini, perkhidmatan bagi penyelenggaraan bangunan (mekanikal & elektrik) di Ibu Pejabat MPC dilaksanakan oleh MPTEC ENTERPRISE bermula dari 1 JANUARI 2017 sehingga tamat pada 31 DISEMBER 2019 (tempoh kontrak selama 24 bulan).
- 2.2 Kos perbelanjaan bagi perkhidmatan tersebut adalah sebanyak RM 7,860.00 / bulan atau RM 188,640.00 / 2 tahun.

3.0 PERUNTUKAN KEWANGAN

- 3.1 Kos anggaran perbelanjaan bagi perkhidmatan tersebut adalah sebanyak RM 8,646.00 / bulan atau 207,504.00 / 2 tahun. Pertambahan sebanyak 10% daripada kos perbelanjaan lama dicadangkan di atas justifikasi kenaikan harga barang, kenaikan harga minyak, penurunan nilai matawang dan kenaikan gaji minimum pekerja.

4.0 CADANGAN PEMBEKAL UNTUK DILANTIK

- 4.1 Adalah dicadangkan supaya pretender yang akan dilantik bagi menyempurnakan perkhidmatan ini berdasarkan faktor berikut:
 - Latarbelakang serta kemampuan kewangan syarikat yang meyakinkan;
 - Memenuhi syarat-syarat sebut harga yang ditetapkan;
 - Berpengalaman melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan (mekanikal & elektrik) di pejabat- pejabat kerajaan dan swasta di Malaysia;
 - Mempunyai peralatan yang lengkap termasuk mesin-mesin yang perlu digunakan dalam penyelenggaraan.

4.2 Spesifikasi adalah seperti dalam lampiran.

5.0 SYOR

Pertimbangan dan kelulusan daripada Lembaga Pengurusan MPC dimohon bagi memberi peruntukan perbelanjaan seperti di atas dengan menggunakan peruntukan Operasi.

Disediakan Oleh:




(Mohd Faizzul Shahir)
Penolong Jurutera
Unit Aset & Teknikal

Disemak Oleh:



(Norazlina Tun Ibrahim)
Penolong Pengurus
Unit Aset & Teknikal

Disahkan Oleh:



(Tan Hj Burhanuddin Saidin)
Pengarah
Bahagian MSF

SPESIFIKASI PENYELENGGARAAN SISTEM MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL (M&E)

- a) Kerja perkhidmatan penyelenggaraan ini adalah merangkumi penyelenggaraan berkala dan penyelenggaraan baikpulih (asas)
- b) Bilangan pekerja adalah seramai 2 orang dan tempoh masa bekerja adalah 7.30 am – 5.30 pm

Skop kerja yang terlibat dalam perkhidmatan ini adalah :

- a. Penyelenggaraan sistem penghawa dingin jenis berasingan (*split unit*) ;
- b. Penyelenggaraan sistem penghawa dingin jenis *chiller* (central unit) dan *package unit* ;
- c. Penyelenggaraan sistem elektrik –MSB, SSB,DB, LVB ;
- d. Penyelenggaraan motor pam air ;
- e. Penyelenggaraan sistem telefon PABX;
- f. Penyelenggaraan PA system;
- g. Penyelenggaraan lampu decorative,compound lighting, spotlight; dan
- h. Penyelenggaraan *lightning arrestor*.